

BULETIN

MAJLIS DAERAH KOTA BELUD

"Majlis Daerah Kota Belud ke arah Daerah Kota Belud Yang Terancang, Bersistematik, Berbudaya dan Sejahtera"



SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

Ybrs Puan Kamariah binti Hj Ismail
Pegawai Eksekutif,
Majlis Daerah Kota Belud

KETUA PENYELARAS

Fatin Wardiah Sabli
Chief Digital Officer,
Majlis Daerah Kota Belud

SIDANG EDITOR

Arnieshela Saimin
Unit ICT/ Webmaster
Majlis Daerah Kota Belud

JURULENSA

Unit Media Bahagian Majlis Daerah Kota belud

DITERBITKAN OLEH

Unit ICT
Majlis Daerah Kota Belud,
Peti Surat No.8,
89157 Kota Belud



ISI KANDUNGAN

Pelaksanaan Nyanyian Lagu Negaraku Dan Lafaz Rukun Negaraku	1
OPS Billboard Di Kawasan Pekan Kota belud	2
Perbincangan bersama YB Isnaraissah Munirah Majilis Ahli Parlimen P.169 Kota Belud & Persatuan Penjaja Pasar Malam Kota Belud	3
Mesyuarat Cadangan Kerja Membina Dan menyiapkan Bangunan AgroBazar Medan Gerai Buah - Buahan Segar (GBBS) Di Pekan Nabalu	4
Lawatan Mangsa Banjir Di Dewan PPR Ulu Pirasan Kota Belud	5
Sesi Taklimat, Cabutan Undi Dan Pemeriksaan Kesihatan Bazar Ramadan Tahun 2025 bersama Pihak Jabatan Kesihatan Kota Belud, Jheains Kota Belud Dan KPDNKK Cawangan Tuaran	6
Perbincangan bersama FELO SMJ 3.0 Mengenai Projek CSR Direktori Pelancongan Daerah Kota Belud	7
Majlis Berbuka Puasa/ Iftar bersama Kelab Karisma Majlis Daerah Kota belud	8
Cabutan Hadiah PBT-Pay	9 - 10
Kunjungan Hormat AJK Kobeta ke Majlis Daerah Kota Belud	11
Majlis Angkat Sumpah & Penyerahan Watikah Pelantikan Ahli Majlis Daerah Kota Belud Sesi 2025 - 2027	12 - 14
Sambutan Pesta Kaamatan Peringkat Daerah Kota Belud	15
Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2024	16 -21
Program Kembara REDI Zon Sabah dan Sarawak	22 - 23
Program Semarak Inspirasi Madani (SIM) Peringkat Negeri Sabah	24 - 25
Program Kembara Jalur Gemilang Peringkat Daerah Kota Belud	26
Kursus Pematuhan Tatatertib & Integriti Melalui Amalan Nilai -Nilai Murni	27 - 28
Operasi Bersepadu bersama Pihak KPDNKK di Kawasan Pekan Kota Belud	29
Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Daerah Kota Belud	30 -31
Program 2 Dalam 1 : Hari Cuci Malaysia & Program Rakan Lestari Tahun 2025	32 - 33

ISI KANDUNGAN

Program Risda Madani Sabah 2025	34
<i>OPS Pemeriksaan Air Kencing kepada Kakitangan Majlis Daerah Kota Belud</i>	35 - 36
Mesyuarat Penuh BIL.2/ 2025 Majlis Daerah Kota Belud	37
Sabah Landscape Architecture Festival 2025	38 -42
Jamuan Akhir Tahun (Sambutan Perayaan Krismas & Majlis Tukar Hadiah) Tahun 2025	43 - 44
Pencapaian Majlis Daerah Kota Belud Tahun 2025	45



Pelaksanaan Nyanyian Lagu negaraku Dan Lafaz Rukun Negara



6 Januari 2025

Bacaan Ikrar telah diketuai Oleh Encik Asmat Nasip, Penolong Pegawai Penguatkuasa Majlis Daerah Kota Belud. Turut hadir bersama Pegawai Eksekutif Majlis Daerah Kota Belud Puan Kamariah Ismail, semua Pegawai Kanan serta kakitangan Majlis.

Pelaksanaan Nyanyian Lagu Negaraku dan Lafaz Rukun Negara dijalankan pada minggu pertama setiap bulan. Patriotisme dan taat setia kepada Negara merupakan nilai yang seharusnya ada pada setiap penjawat awam dalam melaksanakan tanggungjawab untuk memajukan Negara dengan penuh dedikasi dan integriti agar Perkhidmatan kepada rakyat dapat disampaikan dengan Telus, Cekap dan Berkesan.





OPS BILLBOARD DI KAWASAN PEKAN KOTA BELUD

13 JANUARI 2025



Majlis Daerah Kota Belud telah melaksanakan Operasi Billboard di beberapa lokasi sekitar kawasan Pekan Kota Belud bagi memastikan pematuhan terhadap undang-undang kecil *Kota Belud (Advertisements) 1964* serta menjamin keselamatan awam.

Operasi yang melibatkan Bahagian Penguatkuasaan dan Bahagian Pembangunan ini tertumpu kepada pemeriksaan permit, struktur pemasangan serta kesesuaian lokasi billboard. Hasil pemeriksaan mendapati terdapat beberapa billboard yang dipasang tanpa kelulusan sah dan tidak mematuhi spesifikasi teknikal yang ditetapkan.

Operasi ini bertujuan memastikan aspek keselamatan pengguna jalan raya terjamin, mengurangkan pencemaran visual serta memelihara imej dan keceriaan bandar. Majlis Daerah Kota Belud akan meneruskan pemantauan berkala dan tidak akan berkompromi terhadap mana-mana pihak yang melanggar peraturan.



**PERBINCANGAN BERSAMA
YB ISNARAISSAH MUNIRAH MAJILIS
AHLI PARLIMEN P.169 KOTA BELUD
& PERSATUAN PENJAJA PASAR MALAM KOTA BELUD**



28 Januari 2025

Pihak Majlis Daerah Kota Belud telah menerima kunjungan hormat daripada YB Isnaraissah Munirah Majlis, Ahli Parlimen P.169 Kota Belud bagi berbincang mengenai isu Penjaja Sayur dan Buah Pasar Malam Kota Belud.

Sesi perbincangan ini mengulas mengenai isu - isu berbangkit serta permohonan peniaga untuk perpindahan lokasi Pasar malam ke tempat lama iaitu di Kawasan tempat meletak Kenderaan di hadapan Bazar Rakyat.



MESYUARAT CADANGAN KERJA MEMBINA DAN MENYIAPAKAN BANGUNAN AGROBAZAR MEDAN GERAI BUAH - BUAHAN SEGAR (GBBS) DI PEKAN NABALU, SABAH

11 Februari 2025

Mesyuarat bersama pengarah FAMA Negeri Sabah, Encik Sarman Sidno mengenai cadangan Projek Agro Bazaar Medan Gerai Buah - Buah Segar (GBSS) di Pekan Nabalu Kota Belud.



OBJEKTIF PROJEK

Meningkatkan sumber pendapatan petani dan usahawan kecil melalui peluang jualan yang berterusan

Menggalakkan pengeluaran dan penggunaan hasil pertanian tempatan

Menjana Aktiviti Ekonomi setempat Dan menyokong Pembangunan komuniti Luar bandar

Menjadi tarikan Pelancong agro Dan destinasi membeli Buah - Buah Segar

LAWATAN MANGSA BANJIR DI PPS DEWAN PPR ULU PIRASAN

20 FEBRUARI 2025





Sesi Taklimat, Cabutan undi Dan Pemeriksaan Kesihatan Bazar Ramadan Tahun 2025 bersama pihak Jabatan Kesihatan Kota Belud, Jheains Kota Belud Dan KPDNKK Cawangan Tuaran

24 Februari 2025

Sesi taklimat Bazar Ramadan telah diadakan Di Bilik Mesyuarat Majlis Daerah Kota Belud yang bertujuan untuk memberi penerangan yang jelas dan menyeluruh kepada para peniaga berhubung syarat, peraturan serta garis panduan pengendalian Bazar Ramadan agar pelaksanaannya berjalan dengan teratur, selamat dan mematuhi ketetapan pihak berkuasa.

Melalui sesi ini juga, peniaga dapat memahami kepentingan aspek kebersihan, keselamatan makanan dan kesihatan awam demi kesejahteraan pembeli sepanjang Bulan Ramadan.

Kerjasama bersama pihak Jheains bertujuan untuk memberi nasihat serta peringatan berkaitan pematuhan kepada prinsip halal, kebersihan dan

nilai - nilai murni dalam urusan perniagaan, manakala penglibatan KPDNKK memberi pendedahan mengenai peraturan kawalan harga serta perlindungan pengguna, seterusnya mencegah amalan pencatutan dan memastikan harga jualan yang berpatutan sepanjang operasi Bazar Ramadan.





Perbincangan bersama Felo SMJ 3.0 Mengenai Cadangan Projek CSR Direktori Pelancongan Daerah Kota Belud

11 Mac 2025

Majlis Daerah Kota Belud telah menerima kunjungan daripada pihak Felo SMJ 3.0 untuk berbincang mengenai cadangan Projek CSR Pembangunan Sistem Direktori Pelancongan Daerah Kota Belud.

Pihak Felo SMJ 3.0 telah mencadangkan agar Daerah Kota Belud mempunyai satu Sistem Direktori Pelancongan seperti Website Sabah Tourism Board. Projek ini merupakan satu inisiatif untuk menghimpunkan maklumat lengkap berkaitan produk pelancongan, penginapan, makanan, kraftangan tempatan serta perkhidmatan sokongan pelancongan di Daerah Kota Belud dalam satu platform yang sistematik dan mudah diakses oleh orang awam.

Melalui pelaksanaan projek ini, ianya dapat memperkukuhkan promosi pelancongan Daerah Kota Belud serta menyokong pertumbuhan ekonomi komuniti setempat, khususnya pengusaha kecil dan sederhana.

Direktori ini berpotensi menjadi medium rujukan rasmi kepada pelancong domestik dan antarabangsa, di samping membantu pihak berkuasa dalam perancangan serta pembangunan sektor pelancongan daerah Kota Belud seterusnya menyokong kempen Tahun Melawat Malaysia 2026.





MAJLIS BERBUKA PUASA/ IFTAR BERSAMA KELAB KARISMA MAJLIS DAERAH KOTA BELUD

12 MAC 2025

Majlis Berbuka Puasa dan Iftar Bersama Kelab KARISMA dan Jabatan dianjurkan bersempena bulan Ramadan sebagai satu ruang untuk warga kelab dan jabatan berkumpul, beramah mesra dan menikmati suasana berbuka puasa bersama-sama. Majlis ini memberi peluang kepada semua untuk mengeratkan hubungan silaturahim dalam suasana yang santai dan penuh kekeluargaan.

Selain menikmati juadah berbuka puasa, Majlis ini turut menjadi platform untuk berinteraksi secara lebih dekat antara ahli kelab, kakitangan dan pihak pengurusan. Perkongsian pendapat dan kebersamaan sepanjang majlis secara tidak langsung dapat mengukuhkan semangat kerjasama serta mewujudkan persekitaran kerja yang lebih mesra dan harmoni.

Pegawai Eksekutif, Puan Kamariah Ismail menekankan bahawa majlis ini bukan sekadar berbuka puasa, tetapi menjadi satu platform untuk memperkukuhkan ukhwah, menyemai semangat kekitaan dan meraikan Ramadan dalam suasana yang sederhana, bermakna dan penuh kebersamaan.



CABUTAN HADIAH PBT-PAY




14 APRIL 2025

Majlis Daerah Kota Belud merupakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pertama di Sabah yang menggunakan sistem PBTPay. Sistem PBTPay merupakan portal pembayaran atas talian yang dibangunkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk memudahkan pembayaran seperti Cukai Pintu, Kompaun dan lain - lain.

Cabutan Lucky Draw PBTPay di Peringkat Majlis Daerah Kota Belud merupakan satu inisiatif interaktif dan berimpak tinggi yang dianjurkan sebagai sebahagian daripada usaha memperkasakan penggunaan sistem pembayaran digital PBTPay. Program ini bertujuan bukan sahaja untuk memberi ganjaran kepada pengguna dan peniaga yang mengguna atau mendaftar dengan PBTPay, tetapi juga untuk meningkatkan kesedaran, penerimaan dan penggunaan perkhidmatan pembayaran digital dalam urusan harian bersama PBT.

CABUTAN NAMA BERTUAH MELALUI SISTEM "WHEELS OF NAMES"

Senarai Nama Pembayar Cukai Yang membayar pada tempoh yang ditetapkan disenaraikan dalam Cabutan Bertuah.



PEMBAYAR CUKAI YANG MENERIMA HADIAH CABUTAN PBT-PAY



**PBT-PAY
MAJLIS DAERAH
KOTA BELUD**





KUNJUNGAN HORMAT AJK KOBETA KE MAJLIS DAERAH KOTA BELUD



15 APRIL 2025

kunjungan Hormat ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim serta memperkukuh jaringan kerjasama strategik antara pihak KOBETA dan Pihak Berkuasa Tempatan di samping memperkenalkan kepimpinan dan hala tuju persatuan di samping membuka ruang perbincangan mengenai peranan persatuan dalam menyokong agenda pembangunan dan promosi pelancongan di peringkat tempatan.

Selain itu, kunjungan daripada presiden KOBETA bersama ahli ke Majlis Daerah Kota Belud memberi peluang kepada kedua - dua pihak untuk bertukar pandangan berkaitan isu, cabaran Dan potensi sektor pelancongan serta promosi sektor pelancongan setempat, termasuk aspek pengurusan destinasi, kemudahan awam, penglibatan komuniti dan kelestarian pelancongan.

Melalui kunjungan ini, Pegawai Eksekutif berharap agar kerjasama strategik yang lebih kukuh antara Persatuan Pelancongan dalam merangka inisiatif bersama yang mampu merencanakan industri pelancongan tempatan dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat tempatan khususnya Daerah Kota Belud.

Upacara

MAJLIS ANGKAT SUMPAH & PENYERAHAN WATIKAH PELANTIKAN AHLI MAJLIS DAERAH KOTA BELUD SESI 2025 - 2027



25 April 2025 (Jumaat) | Kota Belud

MAJLIS ANGKAT SUMPAH DAN PENYAMPAIAN WATIKAH PELANTIKAN AHLI – AHLI MAJLIS DAERAH KOTA BELUD BAGI SESI 2025 -2027

Majlis Angkat Sumpah dan Penyampaian Watikah Pelantikan Ahli – Ahli Majlis Daerah Kota Belud bagi sesi 2025 -2027 ini telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk Fairuz Renddan, Pembantu Menteri Belia dan Sukan Negeri Sabah merangkap Adun N.8 Pintasan Kota Belud di Bilik Mesyuarat Majlis Daerah Kota Belud. Turut hadir bersama Pengerusi Majlis Daerah Kota Belud Tuan Peter Jiton, Ketua Polis Daerah Kota Belud Tuan Shahrudin bin Mat Husain, Pegawai Eksekutif Puan Kamariah binti Hj Ismail, Tuan Mohd Faezan, Pegawai Integriti Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan (KKTP), Pegawai – Pegawai Kanan MDKB serta wakil YB Tempatan Adun N.11, Adun N.10 & Adun N.9.

YB Datuk Fairuz Renddan mengucapkan tahniah dan selamat menjalankan amanah kepada semua Ahli Majlis yang menerima watikah pelantikan pada hari ini dan berharap agar semoga pelantikan ini dapat dilaksanakan dengan penuh dedikasi, berintegriti dan beriltizam tinggi.

Galeri



SENARAI AHLI MAJLIS DAERAH KOTA BELUD SESI 2025 -2027



ni 1!

23m

- | | |
|---|---|
| 1 ENCIK SUWAH BIN BULEH @ BULLEH | 10 ENCIK MUDEZAIM BIN MUYAU @ JAMES |
| 2 PUAN ALICE BINTI TAISIN | 11 ENCIK MUSRI BIN AKIP |
| 3 DATU JAFRIN DATU ANGGOL | 12 ENCIK AHMAD SALLEH BIN AGAH |
| 4 ENCIK FOO VUN CHUNG | 13 PUAN WADZANATI AHMAD KEDAH |
| 5 ENCIK GAZALI UNTUK | 14 ENCIK JOLYHAME SARAN |
| 6 DR. BUDIMAN BIN ABPA | 15 PUAN RAIZAH BINTI ULI |
| 7 ENCIK AMRAN BIN DISAH | 16 ENCIK ABDUL HAFIZ BIN MUSTADI |
| 8 ENCIK LAMDIN BIN KUYAD | 17 PUAN FERNEYSTELIN FERNEYSTO MATININ |
| 9 ENCIK MELON BIN YAMING | 18 ENCIK YOMPOK BIN GUNTARAK |



SAMBUTAN PESTA KAAMATAN PERINGKAT DAERAH KOTA BELUD TAHUN 2025

17 Mei 2025

Majlis Perasmian Sambutan Pesta Kaamatan Peringkat Daerah Kota Belud Tahun 2025 telah disempurnakan oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Malaysia Merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri N.11 Kedamaian yang bertempat di Dewan Tun Said Keruak.

YB Datuk Ewon Benedick dalam ucapannya berharap agar Sambutan Kaamatan Tahun ini membawa keberkatan kepada semua Rakyat Malaysia, Perpaduan, Keharmonian yang lebih baik, Sektor Ekonomi dan keusahawanan lebih baik, kestabilan serta kepimpinan yang lebih baik dari Tahun sebelumnya.



MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) & ANUGERAH JASAMU DIKENANG TAHUN 2024



24 MEI 2025

HILTON HOTEL, KOTA KINABALU

Majlis Anugerah Perkhidmatan (APC) Majlis Daerah Kota Belud bagi tahun 2024 telah dirasmikan oleh Ybhg Tuan Peter Jiton, Pengerusi Majlis Daerah Kota Belud. Majlis dihadiri oleh mantan Ahli - Ahli Majlis Sesi 2023 - 2025 dan juga Ahli Majlis yang baharu bagi Sesi 2025 - 2027 serta kakitangan Majlis Daerah Kota Belud.

Majlis ini diadakan sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan pihak jabatan kepada pegawai dan kakitangan yang telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang, disiplin yang tinggi serta komitmen yang berterusan dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab yang diberikan.

Ybhg Tuan Peter Jiton dalam ucapan perasmianannya merakamkan syabas dan tahniah kepada Pegawai Eksekutif, Puan Kamariah binti Ismail di atas kejayaan mengadakan Majlis APC ini dengan penuh gemilang. Tuan Peter Jiton turut mengucapkan sekalung penghargaan kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan mendorong agar semua kakitangan MDKB untuk terus berusaha meningkatkan kualiti Kerja perkhidmatan serta memperkukuh budaya kerja yang Cemerlang bagi memantapkan lagi Perkhidmatan Majlis Daerah Kota Belud kepada masyarakat.

Majlis ini diserikan dengan beberapa persembahan daripada kakitangan Majlis dan juga mantan Ahli majlis Tahun 2023 - 2025.

Galeri



Galeri



AHLI MAJLIS SESI 2023 - 2025 MAJLIS DAERAH KOTA BELUD



SEKALUNG PENGHARGAAN DIUCAPKAN KEPADA SEMUA PENERIMA ANUGERAH

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)



Anugerah Khas



SEKALUNG PENGHARGAAN DIUCAPKAN KEPADA SEMUA PENERIMA ANUGERAH

Anugerah Jasaamu Dikenang





PROGRAM KEMBARA REDI

**INISIATIF PENDIGITALAN SEKTOR PERUNCITAN
ZON SABAH DAN SARAWAK BERSAMA PIHAK KPDN**

2 JULAI 2025 | KOTA BELUD

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN) meneruskan komitmen dalam memperkasakan Sektor Peruncitan Tempatan Melalui Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan atau Retail Digitalisation Initiative (ReDI).

KPDN telah menganjurkan Kembara ReDI Borneo 2025 selama 10 Hari dengan lokasi pertama di Sematan, Sarawak dan dijadualkan berakhir pada 5 Julai 2025 di Tawau, Sabah. Untuk Daerah Kota Belud, Kembara ReDI Borneo bermula pada 2 Julai 2025 di 2 lokasi iaitu pertama di Tamu mingguan Kota Belud manakala lokasi kedua adalah di Pekan Nabal.

Penganjuran program Kembara ReDI Borneo 2025 ini merupakan satu langkah proaktif KPDN dalam usaha memberi pendedahan kepada peniaga Luar bandar mengenai pengoperasian perniagaan berkonsepkan Digital. Fokus utama adalah penggunaan kemudahan e-wallet dalam urusan transaksi pemberian dan mewujudkan ekosistem masyarakat tanpa tunai (cashless society) di seluruh negara khususnya Kawasan Luar bandar.





PROGRAM SEMARAK INSPIRASI MADANI (SIM) PERINGKAT NEGERI SABAH

17 Ogos 2025 | Dewan Masyarakat Tun Said Keruak

Program ini dihadiri oleh Dato' Ismail Yusop, Ketua Pengarah J-KOM. Beliau berkata dalam ucapannya bahawa program ini bukan sekadar satu pertemuan antara agensi kerajaan dengan ahli komuniti, tetapi ia satu gerakan, Gerakan Inspirasi MADANI yang membawa tekad untuk memperkukuh ikatan antara rakyat dengan kerajaan, membina kesedaran serta menyalakan api patriotisme dalam kalangan rakyat.

Seiring dengan sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia, beliau menyeru agar masyarakat terus memperkukuh semangat dan tekad memelihara perpaduan, mempertahankan kedaulatan dan mengangkat martabat bangsa.

Melalui program ini terdapat pelbagai booth pameran daripada pelbagai agensi termasuk Majlis Daerah Kota Belud. Majlis Daerah Kota Belud telah membuka booth pameran PBTPay sepanjang program ini berlangsung.



PAMERAN PROMOSI PBT-PAY SEMPENA PROGRAM SEMARAK INSPIRASI MADANI (SIM)



**PAMERAN
PBT-PAY
MAJLIS DAERAH
KOTA BELUD**





PROGRAM KEBARA MERDEKA JALUR GEMILANG PERINGKAT DAERAH KOTA BELUD



Kota Belud, 18 Ogos 2025 – Program Kembara Merdeka Jalur Gemilang Peringkat Daerah Kota Belud telah berjaya dilaksanakan bersempena sambutan Bulan Kebangsaan dan Hari Malaysia bagi menyemarakkan semangat patriotisme serta cintakan negara dalam kalangan masyarakat setempat.

Program ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Arsad bin Bistari, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) N.9 Tempasuk dan dilaksanakan melalui konvoi serta jelajah ke beberapa lokasi tumpuan sekitar Daerah Kota Belud dengan pengisian aktiviti pengibaran dan edaran Jalur Gemilang serta kempen pemasangan bendera.

Pelaksanaan program ini melibatkan penyertaan pelbagai jabatan dan agensi kerajaan, pasukan beruniform, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), belia, pelajar serta penduduk setempat, sekaligus mencerminkan semangat perpaduan dan kerjasama dalam menjayakan agenda patriotisme di peringkat daerah. Program ini diharap dapat meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan menghormati simbol kebangsaan serta menyemai rasa bangga sebagai rakyat Malaysia.



KURSUS PEMATUHAN TATATERTIB & INTEGRITI MELALUI AMALAN NILAI -NILAI MURNI

25 Ogos 2025

Kursus Pematuhan Tatatertib dan integriti Melalui Amalan Nilai - Nilai Murni telah diadakan di Bilik mesyuarat Majlis Daerah Kota Belud. Kursus dilaksanakan secara hybrid iaitu Ceramah dan Latihan Dalam Kumpulan (LDK) yang dikendalikan oleh Encik Mohd Jamri bin Ag. Damit, Ketua Unit Pengurusan Tatatertib dan Pematuhan, BIGoNS dibantu oleh Encik Muzaffar bin Mohammad Yussof dan Encik Ekmal Ashraf bin Stephen.



Kursus ini mensasarkan Ketua - Ketua bahagian dan Pegawai pelbagai Kumpulan Gred Perkhidmatan dengan Objektif Kursus untuk meningkatkan kefahaman dan Pematuhan peserta terhadap peraturan Tatatertib dan Aku Janji Perkhidmatan Awam.

Selain itu, Kursus ini juga bertujuan untuk meningkatkan penghayatan dalam mengamalkan Nilai - Nilai dan Etika serta Memperkukuh budaya kerja yang professional, berdisiplin dan berintegriti dalam melaksanakan tugas menyampaikan Perkhidmatan.

Puan Kamariah Hj Ismail, Pegawai Eksekutif Majlis Daerah Kota Belud merakamkan syabas atas penglibatan semua peserta dalam kursus ini dan berharap agar peserta dapat mengaplikasikan segala ilmu yang diperoleh sepanjang Kursus dalam melaksanakan Tugas masing - masing bagi Memastikan penyampaian Perkhidmatan MDKB dapat diperkasa dan dilaksanakan dengan berintegriti dan berkesan.

LATIHAN DALAM KUMPULAN (LDK)





OPERASI BERSEPADU BERSAMA PIHAK KPDNKK DI KAWASAN PEKAN KOTA BELUD



9 September 2025

Majlis Daerah Kota Belud bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN) telah melaksanakan operasi bersepadu di kawasan pekan Kota Belud. Operasi ini bertujuan memastikan pematuhan undang-undang perniagaan, pemantauan harga maksimum barang kawalan, lesen sah premis, serta kebersihan dan keselamatan premis perniagaan.

Operasi ini berjaya meningkatkan kesedaran peniaga mengenai kepentingan pematuhan undang-undang dan memberi keyakinan kepada orang awam terhadap kawalan perdagangan yang adil dan selamat. Tindakan susulan akan diteruskan bagi premis yang masih gagal mematuhi peraturan.



MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL SAW PERINGKAT DAERAH KOTA BELUD

11 September 2025

Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Daerah Kota Belud merupakan acara tahunan yang diadakan bagi memperingati hari keputeraan junjungan besar Nabi Muhammad SAW, sekali gus menzahirkan rasa cinta, penghormatan dan kesyukuran umat Islam terhadap perjuangan serta pengorbanan Baginda dalam menyebarkan syiar Islam. Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Fairuz Renddan, Pembantu Menteri Belia Dan Sukan Merangkap Adun N.8 Pintasan.

Penganjuran majlis ini bertujuan untuk menghayati dan meneladani sirah serta akhlak mulia Rasulullah SAW sebagai panduan dalam kehidupan seharian, khususnya dalam membentuk masyarakat yang berakhlak, bersatu padu dan berpegang teguh kepada ajaran Islam. Selain itu, majlis ini juga menjadi platform memperkukuh ukhuwah Islamiah dalam kalangan masyarakat setempat tanpa mengira latar belakang.

Majlis Daerah Kota Belud telah mendapat Anugerah Kontinjen Terbaik Kementerian Dan Tempat Ketiga Sepanduk semasa Majlis Maulidur Rasul Peringkat Daerah Kota belud







PROGRAM 2 DALAM 1 : HARI CUCI MALAYSIA & PROGRAM RAKAN LESTARI TAHUN 2025

27 September 2025

Program 2 Dalam 1 : Hari Cuci Malaysia & Program Rakan Lestari Peringkat Daerah Kota Belud telah disempurnakan oleh YB Datuk Fairuz Renddan, Pembantu Menteri Belia Dan Sukan Negeri Sabah Merangkap Adun N.8 Pintasan.

Hari Cuci Malaysia berkonsepkan Gotong Royong Mega Yang dilaksanakan serentak Di Seluruh Malaysia dengan lokasi Utama bertempat di Pantai Cahaya Negeri, Port Dickson.

Majlis Daerah Kota Belud turut menyahut seruan ini dengan melaksanakan Hari Cuci Malaysia sekaligus melaksanakan Program Rakan Lestari 2025 yang diadakan bertempat di Dataran kota Belud.

Pihak Majlis mengucapkan ribuan terima Kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan program ini. Semoga usaha ini Memperkukuh budaya kebersihan dan semangat komuniti dalam kalangan masyarakat di Daerah Kota Belud





PRISMA

PROGRAM RISDA MADANI

SABAH
2025



26- 28 September 2025

RISDA MADANI (PRISMA) ialah inisiatif oleh Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) selaras dengan dasar Malaysia MADANI untuk memperkasakan komuniti pekebun kecil, usahawan desa dan industri kecil khususnya di Sabah termasuk di Kota Belud.

Program ini dirasmikan di Padang Pekan Kota Belud, Sabah oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi sebagai tanda komitmen kerajaan melalui RISDA kepada masyarakat pekebun kecil dan usahawan luar bandar.

Matlamat Program RISDA Madani (PRISMA)

Program RISDA MADANI (PRISMA) bukan sekadar bantuan kewangan, tetapi dirancang untuk:

1. memastikan perkhidmatan pembangunan sampai terus kepada golongan sasaran
2. memperluas pasaran dan meningkatkan daya saing produk Sabah di peringkat tempatan dan luar negara
3. mengukuhkan ekonomi penduduk luar bandar & komuniti pekebun kecil secara berterusan dan mampan

Program ini adalah selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI untuk pembangunan luar bandar yang inklusif dan berdaya saing



**PRISMA
KOTA BELUD
2025**






OPS PEMERIKSAAN AIR KENCING DARIPADA JABATAN SIASATAN JENAYAH BAHAGIAN NARKOTIK KOTA BELUD KEPADA KAKITANGAN MAJLIS DAERAH KOTA BELUD



Operasi pemeriksaan air kencing telah diketuai oleh INSP Azman, Ketua Bahagian Jabatan Siasatan Jenayah Bahagian Narkotik Kota Belud kepada Kakitangan Majlis Daerah Kota Belud bagi memastikan kakitangan jabatan bebas daripada penyalahgunaan dadah serta mematuhi undang-undang dan peraturan sedia ada. Operasi ini bertujuan untuk mengesan secara awal sebarang penglibatan kakitangan dalam penggunaan bahan terlarang agar tindakan pencegahan dan pemulihan dapat diambil dengan segera.

Selain itu, operasi ini bertujuan meningkatkan tahap integriti, disiplin dan profesionalisme dalam kalangan kakitangan jabatan, di samping membentuk persekitaran kerja yang sihat, selamat dan bebas dadah. Pelaksanaan operasi ini turut menyokong usaha kerajaan dalam memerangi penyalahgunaan dadah serta memperkukuh imej jabatan sebagai sebuah organisasi yang berintegriti dan berakuntabiliti tinggi.



MESYUARAT PENUH BIL.2/ 2025

MAJLIS DAERAH KOTA BELUD



Mesyuarat ini menjadi medan perbincangan dan pertukaran pandangan antara Pengerusi, Ahli Majlis dan pihak pengurusan bagi menangani isu-isu berbangkit di kawasan pentadbiran Majlis Daerah Kota Belud.

Setiap pandangan dan cadangan yang dikemukakan telah diteliti secara kolektif bagi mencapai keputusan yang terbaik demi kepentingan awam.

Pengerusi berharap agar melalui pelaksanaan Mesyuarat Penuh ini, tadbir urus PBT dapat diperkukuh, keberkesanan penyampaian perkhidmatandapat dipertingkatkan serta kesejahteraan dan kebajikan masyarakat terus terpelihara secara berterusan.

Mesyuarat Penuh Bil.2/ 2025 bersama Pengerusi dan Ahli-Ahli Majlis telah diadakan bagi membincangkan hal-hal berkaitan pentadbiran, dasar serta penambahbaikan penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat setempat.

Mesyuarat Yang dipengerusikan oleh Pengerusi Majlis iaitu Tuan Peter Jiton, turut dihadiri Ahli-Ahli Majlis dan pegawai kanan PBT. Antara perkara yang dibincangkan termasuk laporan jabatan, isu semasa, kemajuan projek pembangunan serta cadangan penambahbaikan perkhidmatan dan kebajikan masyarakat di kawasan pentadbiran.



Sabah Landscape Architecture Festival by the Bay

SLAF 2025

Sabah Landscape Architecture Festival

ANTARA PROGRAM SEPANJANG FESTIVAL SLAF 2025



Sabah Landscape Architecture Festival 2025 (SLAF 2025) merupakan festival tahunan yang dianjurkan oleh Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah (KKTP) dengan matlamat untuk mempromosikan kepentingan landskap lestari, reka bentuk hijau dan pembangunan komuniti berasaskan alam sekitar. Festival ini berlangsung pada awal November 2025, bertempat di Taman Awam Teluk Likas, Kota Kinabalu, dengan tema “Dialogue with the Wind” yang menekankan hubungan antara manusia dan alam semula jadi dalam perancangan landskap.

Festival ini adalah platform untuk menggalakkan perkongsian pengetahuan dan inovasi dalam bidang landskap, termasuk penglibatan pihak berkuasa tempatan, profesional landskap, industri berkaitan dan komuniti awam. Antara objektif utama festival ialah memperkukuh kesedaran masyarakat terhadap kepentingan landskap hijau, menyokong pembangunan ekonomi melalui industri landskap, dan memperkenalkan pendekatan Nature-Based Solutions dalam pembangunan bandar dan luar bandar.

SLAF 2025 menampilkan pelbagai aktiviti interaktif seperti pertandingan pameran landskap, pameran produk dan perkhidmatan berkaitan landskap, program komuniti, seminar dan perkongsian ilmu oleh pakar tempatan dan antarabangsa. Festival ini juga selaras dengan Dasar Landskap Sabah 2021–2033, yang menekankan pembangunan lestari, ekologi bandar yang seimbang, dan pengukuhan nilai estetika serta ekonomi landskap.

Pertandingan LartScape : Dialogue With The Wind

Majlis Daerah kota Belud telah Menyertai Pertandingan LartScape bertemakan "Dialogue With The Wind" Anjuran Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan (KKTP). Dalam Pertandingan ini, Majlis Daerah Kota Belud telah mendapat Top 6 dengan hadiah saguhati sebanyak RM 2500 yang disampaikan oleh YBhg Datuk Dr. Jamili Nais, Setiausaha Tetap, KKTP.





M



D



K



Persediaan BOOTH MDKB

B




>



X









JAMUAN AKHIR TAHUN

**SAMBUTAN PERAYAAN KRISMAS &
MAJLIS TUKAR HADIAH (EXCHANGE GIFT)
MAJLIS DAERAH KOTA BELUD
TAHUN 2025**

17 Disember 2025

Pegawai Eksekutif, Puan Kamariah Ismail mengucapkan ribuan Terima Kasih Dan selamat datang kepada semua Warga Majlis pada Jamuan Akhir Tahun. Majlis ini diadakan sebagai tanda penghargaan kepada seluruh warga jabatan atas komitmen dan kerjasama yang telah diberikan sepanjang tahun.



Penganjuran jamuan akhir tahun ini bukan sekadar untuk kakitangan menikmati hidangan bersama, tetapi juga sebagai ruang untuk semua Warga Kerja Majlis beramah mesra dan menghargai usaha masing-masing setelah melalui pelbagai cabaran dan tugas sepanjang tahun. Pegawai Eksekutif berharap agar program ini dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim serta mengukuhkan semangat kekitaan dalam kalangan warga jabatan.



M



D



Tahun
2025

K



B

>



X



Pencapaian / Pengiktirafan

SENARAI ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN YANG DITERIMA OLEH MAJLIS DAERAH KOTA BELUD PADA TAHUN 2025

01

THE BAYUCENTRIC INNOVATOR AWARD (2ND RUNNER UP) SEMPENA
SABAH GOVERNMENT WEBSITE COMPETITION SGWC 2025

02

ANUGERAH PENARAFAN 5 BINTANG SISTEM MAKLUMAT SUMBER
MANUSIA (SM2) TAHUN 2025

03

PENARAFAN BINTANG AUDIT TEKNIKAL (PBAT) KESIHATAN
- 3 BINTANG

04

PENARAFAN BANDAR MAMPAN (MURNINets) - 84.81 %

05

PENGIKTIRAFAN MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) TAHUN 2024

06

KONTINJEN TERBAIK (KATEGORI KEMENTERIAN/ JABATAN)
PERARAKAN MAULIDUR RASUL 1447H/2025M PERINGKAT DAERAH
KOTA BELUD

07

SABAH LANDSCAPE ARCHITECTURE FESTIVAL (SLAF 2025) KATEGORI
PBT (SAGUHATI)



**MAJLIS DAERAH KOTA BELUD
PETI SURAT NO.8
89157 KOTA BELUD,
SABAH.**

**Tel : 088-976529
Fax : 088-976627
Email : md.kb@sabah.gov.my**

Hak Cipta terpelihara